

03/03/1998

PFM bincang syor gabung syarikat filem

CADANGAN daripada pelbagai pihak termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya syarikat penerbitan filem bergabung akan dibawakan dalam mesyuarat Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM).

Penggabungan itu dilihat sebagai langkah realistik bagi produser kerana ia dapat mengurangkan kos pembikinan yang semakin mahal.

Setiausaha PFM, Nik Fadzil Hassan berkata dia sendiri akan membawa isu penggabungan syarikat penerbitan drama dan filem kerana berpendapat tindakan itu ada kewajarannya.

"Memang saya rasa ada patutnya dalam keadaan sekarang syarikat penerbitan berkongsi dalam hal tertentu.

"Ini dapat mengurangkan tekanan kerana kos buat filem sekarang semakin tinggi," katanya.

(END)